

Manual Penyiaran Berita pada Sistem Buletin Universiti di Laman E-warga

1. Maklumat mengenai IT akan ditentukan oleh Pusat Teknologi Maklumat sesuai dengan peranannya dan masalah yang dihadapi oleh sistem e – warga.
2. Maklumat dalam bentuk berita akan diputuskan oleh PKK (Pusat Komunikasi Korporat) samada sesuai dimasukkan atau sebaliknya.
3. Sebaran maklumat fakulti/jabatan boleh dibuat menggunakan kemudahan berita yang telah disediakan.
4. Hebahan untuk fakulti/jabatan dikawal oleh fakulti/jabatan berkenaan manakala hebahan untuk seluruh warga UKM dikawal oleh PKK.
5. e – Warga memberi kemudahan **hebahan berita** oleh pihak **Fakulti/jabatan** dan hebahan untuk keseluruhan **warga UKM**.
6. Hebahan berita untuk warga universiti disediakan dalam ruangan “**Buletin Universiti**”, Peristiwa Minggu Ini dan Aktiviti Universiti.
7. Maklumat yang dihebahkan melalui e – warga adalah maklumat yang **perlu diketahui** dan **mempunyai kepentingan oleh seluruh warga UKM**.
8. Permohonan untuk hebahan Buletin Universiti di laman e-warga hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya **tiga (3) hari** sebelum acara bermula. Permohonan pada sebelah pagi jam 8.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari akan dihebahkan pada sebelah petangnya pada hari yang sama. Manakala permohonan pada jam 12.00 tengah hari hingga jam 12.00 tengah malam akan dihebahkan pada sebelah pagi hari berikutnya. Permohonan hanya akan diproses pada waktu/hari bekerja sahaja.
9. Maklumat istimewa dalam bentuk “*pop up*” akan disediakan oleh Pusat Teknologi Maklumat setelah mendapat permintaan daripada PKK kepada Pusat Teknologi Maklumat.
10. Pusat Teknologi Maklumat akan membantu menyediakan khidmat teknikal untuk hebahan berkenaan dalam e- warga.
12. Aktiviti **simposium/bengkel/seminar** akan dihebahkan melalui “**Kalendar Aktiviti Universiti**”.
13. Pusat Teknologi Maklumat boleh menentukan maklumat mengenai IT yang perlu dihebahkan kepada warga Universiti dalam Buletin Universiti tanpa merujuk kepada PKK.
14. Kalendar Aktiviti Universiti akan memaparkan jadual aktiviti mengikut bulan.
15. Semua makluman dan permohonan penyiaran berita di bulletin ewarga boleh dimajukan terus ke pkk@ukm.my.